

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 DECEMBER 2016

# PM kongsi idea atasi fitnah media sosial

BH - 1/12/2016

➔ Buku  
47 halaman  
perinci  
pemikiran  
Najib

▀ Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak semalam memperkenalkan buku *Wasatiyyah & Media Sosial: Mendepani Cabaran dan Fitnah* hasil tulisannya yang antara lain menyentuh mengenai kecenderungan berkiblatkan media baharu sehingga menolak asas kebenaran.

Buku 47 halaman tulisan bersama Penasihat Agama Perdana Menteri merangkap Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Tan Sri Dr Abdullah Muhammad

Zin itu, turut memperincikan pemikiran Perdana Menteri mengenai cabaran gelombang maklumat yang terkandung unsur fitnah serta cara pengurusannya.

Menerusi artikel bertajuk 'Fiqh Tabayyun: Mengurus Malaysia Dalam Era Media Sosial', Najib yang juga mengakui kepentingan dan kecekapan teknologi media sosial dalam urusan seharian masyarakat masa kini.

Beliau turut menggariskan kaedah dan strategi yang perlu diterapkan bagi mengelak masyarakat berkiblatkan media sosial se-

hingga menolak terus prinsip 'fiqh tabayyun', iaitu menyamak asas kebenaran.

## Pameran kartun, komik

Buku diterbitkan IWM dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) itu, diperkenalkan Najib ketika merasmikan Pameran Kartun dan Komik: Wasatiyyah dan Perjuangan sempena Perhimpunan Agung UMNO 2016 di sini.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Pengerusi ITBM, Budiman Mohd Zohdi.

Pameran itu menghimpunkan karya terbaik kartunis terkenal tanah air, antaranya Datuk Lat, Jaafar Taib, Don, Mishar, Kerengge dan Mie, kebanyakannya bermotifkan unsur wasatiyyah dalam perjuangan menuntut kemerdekaan negara.

Sementara itu, Abdullah melalui tulisannya yang bertajuk 'Fiqh Tabayyun: Mendepani Cabaran dan Fitnah Media Sosial' mengupas keperluan mengajak masyarakat bersikap berhati-hati dan teliti dalam mengendalikan media sosial.